



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Setiausaha Pejabat Gred N29
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pentadbiran dan Sokongan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
N29	1,493.00	5,672.00	145.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. GRED N29 [Gaji Permulaan ialah pada : RM1,493.00]; atau
 - (ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. GRED N29 [Gaji Permulaan ialah pada : RM1,770.95]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat Hakim Mahkamah Atasan/pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi Hakim Mahkamah Atasan/pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.